

STRATEGI KETIDAKSANTUNAN CULPEPER (1996) SEBAGAI TANDA KEPRIHATINAN NETIZEN SEMASA PENULARAN WABAK COVID-19

Sara Beden

Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak
sara.beden@ipgmktr.edu.my

Nurul Jamilah Rosly

Jabatan Bahasa Melayu
Universiti Islam Antarabangsa
nuruljamilah@iiium.edu.my

Received: 22 Jun 2022

Accepted: 1st November 2022

Media komunikasi dewasa ini semakin canggih, namun penggunaan bahasa dalam media ini masih signifikan dengan ketidaksantunan berbahasa seperti memaki, mengeji dan menjatuhkan imej pihak lain. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkategorikan bentuk strategi ketidaksantunan berdasarkan respons netizen dengan mengaplikasikan Teori Ketidaksantunan Culpeper (1996), seterusnya menganalisis penggunaan strategi ketidaksantunan tersebut. Data yang digunakan dalam kajian ini ialah respons netizen dalam pelantar media sosial *Facebook* pada ruangan Berita Harian *Online* berdasarkan tiga tajuk berita yang bertarikh 10 April, 15 Mei dan 24 Mei 2020 ketika penularan wabak COVID-19 sedang melanda negara dan seluruh dunia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Teori yang menjadi landasan analisis ialah Strategi Ketidaksantunan Culpeper (1996) yang menggarisi lima bentuk strategi ketidaksantunan. Dapatan menunjukkan pengkategorian pelbagai strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh netizen berdasarkan 15 data yang digunakan dalam kajian ini. Netizen menzahirkan ketidaksantunan dengan menggunakan strategi ketidaksantunan secara langsung, strategi ketidaksantunan positif; tidak menunjukkan simpati dan penggunaan bahasa tabu, strategi ketidaksantunan negatif; mencemuh, memperlekeh dan penggunaan strategi sindiran. Dapatan juga menunjukkan pembentukan 5 pola kombinasi Strategi Ketidaksantunan Culpeper sebagaimana yang dizahirkan dalam respons atas faktor pelbagai emosi yang diekspresikan netizen sebagai tanda prihatin. Kesimpulannya, didapati penggunaan pelbagai strategi ketidaksantunan yang signifikan dalam *Facebook* bukan sahaja menzahirkan ketidaksantunan, namun sebagai tanda keprihatinan atas keselamatan rakyat Malaysia khususnya semasa negara sedang dilanda wabak COVID-19.

Kata kunci: Strategi ketidaksantunan Culpeper, mencemuh, sindiran, Facebook, strategi ketidaksantunan langsung

CULPEPER IMPOLITENESS STRATEGY (1996) AS AN AWARENESS INDICATOR IN THE MIDST OF COVID-19

Today's communication media is increasingly sophisticated, but the use of language in these media is still significant with language indecency such as cursing, insulting, and tarnishing the image of others. Therefore, this study aims to categorize the impoliteness form of strategy based on the netizens' responses with the application of Culpeper's Theory of Impoliteness (1996) and analysing the usage of impoliteness strategy. The data used in this study is netizens' responses on Berita Harian's online column on the social media platform, Facebook, based on three news headlines dated 10 April, 15 May, and 24 May 2020 during the COVID-19 widespread across the globe. This study uses a qualitative method. The theory that underlies the analysis is Culpeper's Theory of Impoliteness (1996), which underlines five forms of impoliteness strategies. The findings showed that the categorizing of various impoliteness strategies used by netizens based on the 15 data used in this study. The netizens expressed impoliteness using direct impoliteness strategy, positive impoliteness strategy; showing no sympathy and the use of taboo language, negative impoliteness strategy; scorning, despising and the use of sarcasm strategy. The findings also showed the formation of five combination patterns of Culpeper's impoliteness strategies as expressed in responses to the factors of various emotions expressed by the netizens as concerns. To conclude, it is found that the use of various significant impoliteness strategies on Facebook not only expresses impoliteness, but is a sign of concern for Malaysians' safety, especially when the country is hit by the COVID-19 pandemic.

Keywords: Culpeper's impoliteness strategy, scorning, sarcasm, Facebook, direct impoliteness strategy

Pengenalan

Menurut Asmah Haji Omar (2007), akhbar didefinisikan sebagai surat khabar harian, buletin berkala dan makalah. Medium ini bertujuan menyebarkan maklumat kepada khalayak, di samping mempunyai edaran yang sangat luas dari segi kawasan geopolitik, golongan umur dan lapisan sosial masyarakat. Takrifan ini menjelaskan kepada umum tentang upaya dan peranan akhbar dalam menyebarkan luas informasi kepada para pembaca. Namun, dengan adanya perkembangan teknologi tanpa sempadan, bahan berita dapat diakses dengan mudah dan pantas menerusi telefon pintar dan kemudahan Internet. Pengguna dapat mengakses pelbagai bahan berita dari dalam dan luar negara dengan lebih pantas dan mudah, iaitu hanya dengan menggunakan saluran media sosial seperti *Facebook, Instagram, Twitter, Youtube, LinkedIn, Tumblr, Tiktok* dan sebagainya. Hal ini juga memberi peluang kepada pengguna untuk mengemukakan sebarang komen berdasarkan hantaran yang dimuat naik terutamanya berita terkini seperti penularan pandemik COVID-19 yang melanda dunia hari ini.

Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (1.0) oleh kerajaan Malaysia dalam mengawal penularan Covid-19, telah memberikan impak yang cukup besar terutamanya dari segi mental dan emosi rakyat Malaysia yang telah terjejas seperti tidak dapat keluar bekerja atau bersekolah, hilang pekerjaan dan sumber pendapatan dan terhalang daripada melakukan aktiviti sosial dan kemasyarakatan. Realiti ini menunjukkan kebanyakan rakyat Malaysia menggunakan saluran

media sosial seperti medium akhbar dalam talian untuk menyuarakan pendapat dan idea disebabkan wujudnya gangguan dalam kesejahteraan hidup (Eikhwan Ali & Mahirah Rashid, 2020). Hal ini secara tidak langsung memberikan ancaman kepada pengguna bahasa untuk meluahkan pendapat sama ada yang berbentuk sopan mahupun tidak sopan terhadap komen yang dimuat naik. Masyarakat Malaysia beranggapan bahawa medium akhbar dalam talian ini merupakan medan penghubung antara rakyat dan kerajaan bagi mendapatkan maklumat terkini tentang perkembangan COVID-19 di Malaysia. Pemilihan bahasa terhadap komen yang diutarakan itu sebenarnya telah menunjukkan keperibadian masing-masing terhadap sesuatu ujaran itu (Norfatin Nazihah Abdul Rahmani & Hasmidar Hassan, 2019). Hal ini dibimbangi kerana setiap komen yang negatif pastinya memberikan contoh kepada nilai-nilai ketidaksantunan berbahasa khususnya kepada golongan remaja hari ini. Dalam konteks ketidaksantunan berbahasa, Locher dan Bousfield (2008) mendapati amalan ini merujuk kepada tingkah laku yang menyerang muka dalam konteks tertentu dan bertujuan menjatuhkan air muka seseorang. Lakoff (1989) pula, mendapati penggunaan aspek ketidaksantunan ini diujarkan dengan sengaja sehingga ujaran itu dikatakan secara muhasabah untuk ditafsirkan sebagai sengaja dan bersifat negatif.

Oleh itu, makalah ini secara keseluruhannya akan memperincikan bentuk strategi ketidaksantunan berbahasa dalam komen netizen berdasarkan Teori Ketidaksantunan Culpeper (1996). Teori ini telah mengentengahkan lima bentuk strategi ketidaksantunan, iaitu ketidaksantunan secara langsung, ketidaksantunan positif, ketidaksantunan negatif, penggunaan sindiran atau sarkasme dan menahan kesantunan. Justeru, kajian ini akan memperlihatkan aspek ketidaksantunan yang menjadi tanda prihatin masyarakat Malaysia terhadap isu keselamatan dan kesihatan wabak COVID-19 sekali gus membuka cadangan kepada barisan kepimpinan kerajaan Malaysia supaya sentiasa mengambil kira pandangan rakyat Malaysia terhadap setiap pelaksanaan dasar-dasar baharu khususnya dalam menangani penularan COVID-19 di Malaysia.

Sorotan Literatur

Di Malaysia, terdapat pelbagai kajian ketidaksantunan berbahasa khususnya dalam membincangkan strategi ketidaksantunan dalam media sosial seperti kajian Nor Shahila Mansor, Roslina Mamat, Rozita Che Omar dan Akmar Hayati Ahmad Ghazali (2014), yang mengenal pasti bentuk ketidaksantunan bahasa yang digunakan dalam teks iklan berbahasa Sepanyol. Kajian ini mengkaji bagaimana ketidaksantunan yang digunakan dalam iklan komersial boleh menjadi daya penarik untuk mempengaruhi pelanggan sasaran untuk membeli barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan manakala dalam iklan sosial pula boleh memupuk kesedaran khalayak. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan menggunakan majalah dan suratkhbar yang diterbitkan di Sepanyol pada tahun 2010 dan 2011. Terdapat 12 teks iklan komersial dan 9 teks iklan sosial dijadikan sebagai bahan kajian. Data yang telah dipilih dianalisis mengikut teori ketidaksantunan yang diperkenalkan oleh Culpeper (1996). Walaupun data kajian telah diterjemahkan, analisis ketidaksantunan bahasa dilakukan ke atas teks asal berbahasa Sepanyol dan bukan teks terjemahan berbahasa Melayu. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat kelima-lima strategi ketidaksantunan sepertimana yang digariskan oleh Culpeper (1996). Elemen sindiran hanya terdapat dalam iklan sosial dan tidak ada unsur sindiran dalam iklan komersial. Elemen ketidaksantunan seperti kenyataan secara terus tentang ketidaksempurnaan fizikal individu (menggunkan penanda identiti yang tidak tepat, menggunakan perkataan kasar, iaitu bodoh) dalam setiap wacana iklan yang dikaji mempunyai dua peranan utama, iaitu mengekalkan tahap keyakinan dan kesetiaan pelanggan terhadap barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan. Hasil dapatan kajian ini juga boleh digunakan oleh tenaga pengajar bahasa

Sepanyol sebagai satu alat bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing di Malaysia.

Selain itu kajian Shamilah Abdul Halim (2015), pula mengenal pasti jenis strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh pengguna *Facebook* terhadap laman *Facebook* ahli politik dan menentukan faktor-faktor yang menyumbang kepada sikap tidak santun pengguna *Facebook* dalam komunikasi perantaraan komputer (CMC). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan menggunakan 2354 komen pengguna *Facebook* di laman Facebook ahli politik. Hasil dapatan mendapati penggunaan strategi ketidaksantunan menghina adalah yang paling kerap digunakan (perkataan '*stupid*'). Dapatan kajian juga menunjukkan tidak semua komen yang ditulis di dalam *Facebook* tersebut mengaplikasi Teori Ketidaksantunan Culpeper seperti penggunaan '*puii*' dan '*haktuii*'. Hal ini kerana perkataan tersebut merujuk perbuatan meludah (perbuatan tidak termasuk dalam strategi Ketidaksantunan Culpeper). Dapatan turut menunjukkan bahawa penggunaan komunikasi perantaraan komputer (alam maya) merupakan faktor berlakunya ketidaksantunan kerana pengguna dapat merahsiakan identitinya dan sewenang-wenangnya mengekspresikan emosi yang tidak terkawal sehingga menyumbang kepada ketidaksantunan.

Kajian oleh M Xavier Thayalan (2017), mengkaji strategi ketidaksopanan konvensional yang digunakan oleh rakyat Malaysia dalam komen di media sosial yang menyebabkan perubahan riak wajah dan menganalisis ketidaksopanan konvensional dalam bahasa yang digunakan oleh masyarakat Malaysia dalam komen di media sosial. Kajian ini menggunakan teori kesantunan (Brown & Levinson (1987) dengan menganalisis 2,224 komen oleh rakyat Malaysia di video *YouTube* berkaitan kejadian mencuri di Plaza Low Yat. Kajian ini menemukan ketidaksantunan menghina paling kerap digunakan untuk mengancam riak wajah seperti perkataan tidak senonoh (anjing & babi) dan emosi yang negatif (mencetuskan ketegangan antara kaum). Selain itu terdapat pertambahan tiga kategori ketidaksantunan, iaitu tuduhan tanpa asas, menunjukkan kekuasaan dan mencabar pihak lawan. Selain itu, penggunaan bahasa tidak santun dari aspek tatabahasa (perkataan tidak senonoh, kata hubung, imperatif, adjektif & simile) dan percakapan tidak sopan seperti topik tabu, sarkasme dan perkara sensitif turut digunakan dalam menyampaikan komen.

Najla Majeed Hammod dan Arwa Abdul-Rassul (2017), dalam kajiannya telah mengenal pasti jenis strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh pengguna aplikasi *Facebook* dalam bahasa Inggeris dan juga bahasa Arab. Kajian ini juga didapati menghuraikan faktor penggunaan strategi ketidaksantunan dalam konteks bahasa Inggeris dan juga bahasa Arab. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis diskursif (berdasarkan hujah atau penaakulan dan bukannya dengan intuisi) berdasarkan halaman (*pages*) *Facebook* bahasa Inggeris dan Arab yang terpilih. Kajian ini menggunakan pengadaptasian strategi ketidaksantunan Culpeper (1996). Dapatan yang diperoleh memperlihatkan empat strategi ketidaksantunan Culpeper wujud dalam analisis konteks, iaitu ketidaksantunan secara langsung, ketidaksantunan positif, sarkasme dan ketidaksantunan negatif. Dapatan ini secara langsung memperlihatkan bahawa kedua-dua halaman *Facebook* dalam bahasa Inggeris dan bahasa Arab telah menggunakan strategi ketidaksantunan yang hampir sama. Ini membuktikan bahawa dalam konteks secara dalam talian ketidaksantunan digunakan bagi memberikan ancaman muka.

Kajian oleh Nurul Akmal A. Abdul Ghani (2018), pula mengkaji komen-komen yang kasar dan pergaduhan menggunakan strategi dan bentuk ketidaksantunan terhadap syarikat telekomunikasi Brunei (DST). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif, iaitu menggunakan kaedah pemerhatian bagi melihat komen-komen di halaman media sosial syarikat telekomunikasi DST. Hasil dapatan menunjukkan terdapat empat strategi ketidaksantunan, iaitu ketidaksantunan secara

langsung (*bald-on record impoliteness*), ketidaksantunan positif, ketidaksantunan negatif dan ketidaksantunan secara tidak langsung (*off-record impoliteness*). Selain strategi yang dinyatakan, bentuk ketidaksantunan juga didapati dalam bentuk menghina, aduan, mencabar, merendah-rendahkan, mengugut dan ekspresi negatif. Terdapat juga strategi seperti strategi menahan kesantunan menerusi mesej secara privasi, pengguguran dan pengabaian. Didapati juga pengguna lelaki lebih cenderung untuk menghantar komen-komen yang agresif. Perkembangan komunikasi alam maya menyebabkan pengguna berani untuk menghantar komen-komen yang negatif kepada pihak tertentu kerana tidak perlu bersemuka.

Dony Cahyono (2018), telah mengkaji strategi ketidaksantunan berdasarkan penulisan dalam *Twitter* Presiden Donald Trump. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif deksriptif dengan menggunakan akaun media sosialnya sendiri untuk melihat gaya penulisan di *Twitter* Donald Trump. Hasil dapatan kajian ini mendapati ahli politik dilihat dominan menunjukkan ketidaksantunan dalam penulisan di media sosial. Dalam hal ini, Presiden Donald Trump didapati menggunakan strategi ketidaksantunan yang berbeza-beza dalam menyerang negara-negara lain dalam penulisannya. Kajian menemukan empat strategi utama, iaitu ketidaksantunan negatif, ketidaksantunan secara langsung, ketidaksantunan sindiran atau sarkasme dan ketidaksantunan positif. Dapatan ini memperlihatkan individu yang mempunyai kuasa cenderung untuk menjadi lebih tidak santun berbanding individu yang kurang atau tidak berkuasa.

Kajian oleh Norfatin Nazihah Abdul Rahman dan Hasmidar Hassan (2019) pula mengenal pasti aspek kesantunan dan ketidaksantunan komen pengguna *Facebook* dalam laman yang ditadbir dan mengkategorikan jenis strategi kesantunan dan ketidaksantunan komen pengguna *Facebook* dalam laman yang ditadbir. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan data diperoleh daripada komen *Facebook* dalam dua laman berbeza, iaitu Laman Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Laman Nurul Izzah Anwar. Hasil dapatan mendapati terdapat 14 strategi kesantunan yang digunakan oleh pengguna *Facebook* dalam ruangan komen bagi kedua-dua laman Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan juga laman Nurul Izzah Anwar. Analisis dilakukan khusus bagi perkara berkaitan isu belanjawan 2018 yang diutarakan oleh kedua-dua laman *Facebook* ini. Strategi kesantunan paling dominan berdasarkan teori kesantunan Brown dan Levinson (1987) adalah strategi membesar-besarkan pendengar (pujian). Strategi ketidaksantunan secara langsung (*bald-on record*) dilihat dominan berdasarkan teori ketidaksantunan Culpeper (1996).

Sehubungan itu, berdasarkan kajian lepas didapati perbincangan ketidaksantunan dilihat dominan pada penggunaan ungkapan yang tidak santun khususnya dalam komen-komen di media sosial. Ungkapan tidak santun ini bukan sahaja dirujuk sebagai sesuatu yang disengajakan tetapi boleh juga menandai sesuatu yang berbentuk keprihatinan dan kesedaran yang sesuai dengan konteks dan peristiwa.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- i. Mengkategorikan strategi ketidaksantunan berdasarkan respons dan komen netizen dalam pelantar *Facebook* pada ruangan Berita Harian *Online* (BHO) dengan mengaplikasikan Teori Ketidaksantunan Culpeper (1996).
- ii. Menganalisis penggunaan strategi ketidaksantunan oleh netizen berdasarkan respons mereka dengan membuat penelitian terhadap faktor dan tujuan netizen menggunakan strategi ketidaksantunan ketika memberikan respons.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berfokus kepada analisis data atau teks. Berg (2004, p.7), menjelaskan bahawa kaedah kualitatif melibatkan proses yang mengandungi pengumpulan data, analisis data dan penginterpretasian data yang menyeluruh yang bertujuan untuk memperoleh pemahaman yang mendalam tentang sesuatu fenomena yang dikaji. Kajian ini menggunakan data yang bersumberkan respons netizen pada ruangan BHO dalam media sosial *Facebook*. Media sosial *Facebook* dipilih kerana *Facebook* merupakan media sosial yang popular pada dewasa ini. Norfatin Nazihah Abdul Rahmani & Hasmidar Hassan (2019) menjelaskan bahawa *Facebook* kini sudah menjadi satu aliran terkini dan hampir mengambil alih fungsi media cetak dan media elektronik arus perdana sebagai medium penyebaran maklumat. Data ini dijadikan sebagai bahan kajian bertitik tolak juga atas faktor tajuk-tajuk dalam BHO merupakan tajuk semasa yang berkaitan dengan penularan pandemik COVID-19 dan respons netizen menunjukkan pengabaian mereka terhadap aspek kesantunan. Respons netizen dikumpulkan daripada tiga tajuk BHO yang berkaitan dengan penularan wabak COVID-19 yang bertarikh 10 April 2020, 15 Mei 2020 dan 24 Mei 2020. Data-data tersebut dimuat turun daripada laman web sebagaimana paparannya dalam Jadual 1 berikut;

Jadual 1: Sumber data

Tarikh	Tajuk	Sumber Web
April 2020 10	covid-19-pkp-dilanjutkan-hingga-28-april	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/675471/covid-19-pkp-dilanjutkan-hingga-28-april
Mei 2020 15	china-kesan-4-kes-jangkitan-baharu-dalam-tempoh-24-jam	https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2020/05/689092/covid-19-
Mei 2020 24	lebih-525-juta-kes-339000-kematian-seluruh-dunia	https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/05/692394/covid-19-

Setelah dimuat turun, data-data diberi kod atau label yang ringkas bagi memudahkan proses penganalisisan data. Pengekoden data adalah untuk memudahkan pengenalpastian data untuk dianalisis (Sara Beden & Indirawati Zahid, 2015). Data dikod sebagai BHO/10A/20/D1. BHO merujuk kepada Berita Harian *Online*, 10A merujuk kepada tarikh berita, iaitu pada 10 April manakala angka 20 pula merujuk kepada tahun sumber berita berlaku, iaitu pada tahun 2020. Sementara D1 pula merujuk kepada bilangan data nombor satu dan seterusnya. Terdapat 15 data yang digunakan dalam kajian ini. 15 data ini bukanlah jumlah mutlak kerana kebanyakan data mengandungi lebih daripada satu ayat dan maklumat. 15 data ini memperlihatkan penggunaan singkatan dari segi ejaan dan bahasa yang tidak formal serta berunsur bahasa kasar daripada respons netizen dan diambil secara langsung, kemudian disertakan ejaan penuh dan maknanya dalam bahasa Melayu standard jika istilah yang digunakan berbentuk dialek mahupun bahasa kolokial. Penggunaan bahasa Inggeris yang terdapat dalam data analisis turut diambil kira dalam kajian ini tanpa mengubahnya dan diitalik.

Analisis data dalam kajian ini melibatkan analisis terhadap komen atau respons daripada netizen dalam media sosial *Facebook* pada ruangan BHO berdasarkan tiga tajuk dan tiga tarikh yang telah dinyatakan sebelum ini. Analisis dan penginterpretasian data dilakukan dengan mengaplikasikan strategi ketidaksantunan Culpeper (1996). Analisis teks dilakukan dengan mengenal pasti unsur-unsur bahasa sama ada dari segi penggunaan kata, ungkapan atau frasa dan ayat yang

berpadanan dan sejajar dengan ciri-ciri bagi kelima-lima strategi dalam Teori Ketidaksantunan Culpeper (1996). Seterusnya, perbincangan analisis dilakukan dengan mengambil kira pelbagai faktor yang berkaitan dan tidak hanya berkisar tentang maklumat dalam data semata-mata. Menurut Mills (2003), kesantunan dan ketidaksantunan tidak boleh dianalisis hanya berdasarkan kepada ujaran semata-mata. Elemen-elemen seperti konteks, hubungan penutur-pendengar, pemahaman dalam kelompok, gender dan sebagainya harus juga diambil kira.

Teori Ketidaksantunan Culpeper (1996)

Culpeper (1996) telah mengkategorikan tiga aspek yang boleh mengancam air muka sehingga perlakuan ujaran itu menjadi tidak santun, iaitu pertama, tingkah laku penutur yang mengancam air muka si pendengar; kedua, si pendengar berpendapat ujaran penutur telah memberi ancaman dan menjatuhkan air mukanya dan ketiga, melibatkan kombinasi di antara aspek pertama dan kedua. Justeru, ketidaksantunan bahasa merupakan perlakuan dan pertuturan yang negatif. Dalam hal ini, Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Fuad Mat Hassan (2012) menyatakan bahawa ancaman terhadap air muka seseorang boleh berlaku atau terjadi sekiranya tingkah laku atau pertuturan secara negatif dibuat secara terang-terangan. Terdapat lima strategi ketidaksantunan yang dibangunkan oleh Culpeper dalam Model Ketidaksantunannya (Zaitul Azma Zainon Hamzah & Fuad Mat Hassan, 2012), iaitu:

1. Ketidaksantunan secara langsung (*bald on record impoliteness*) yang melibatkan tingkah laku pengancaman muka yang dilakukan secara langsung, jelas dan tidak kabur.
2. Ketidaksantunan positif (*positive impoliteness*), iaitu strategi yang bertujuan untuk menjatuhkan air muka penutur dengan menganggap penutur tiada dalam aktiviti yang dilakukan. Ketidaksantunan positif meliputi aspek a) tidak memerhatikan atau mengabaikannya, b) tidak bersimpati, c) menggunakan penanda identiti yang tidak tepat, d) menggunakan bahasa yang kabur, e) menunjukkan tanda tidak bersetuju, f) menggunakan bahasa yang tabu dan g) menyapa dengan nama lain.
3. Ketidaksantunan negatif (*negative impoliteness*), iaitu penggunaan strategi bagi merosakkan air muka penutur yang merangkumi aspek a) menakut-nakutkan, b) memandang rendah, c) mencemooh atau mengejek, d) menghina e) tidak memperlakukan dengan bersungguh-sungguh, f) memperkecil perasaan pendengar, g) menggunakan sapaan dengan menonjolkan aspek personaliti yang negatif, dan h) menempatkan orang lain sebagai orang yang bertanggungjawab.
4. Penggunaan sindiran atau sarkasme (*sarcasm or mock politeness*), iaitu tindak tutur yang hanya pura-pura atau sengaja dibuat-buat.
5. Menahan kesantunan (*withhold politeness*), iaitu tidak melakukan strategi kesantunan seperti yang diharapkan.

Dapatan Kajian

Analisis terhadap 15 data respons netizen *Facebook* dalam ruangan BHO semasa penularan wabak COVID-19 telah menemukan penggunaan pelbagai strategi ketidaksantunan. Perkara ini dizahirkan menerusi respons netizen menerusi ayat yang memperlihatkan ancaman, ejekan, cemoohan, sindiran, memperlekeh atau memandang rendah dan penggunaan bahasa tabu untuk mengancam dan menjatuhkan air muka pihak-pihak tertentu. Dapatan kajian ini diperlihatkan dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Pengkategorian Strategi Ketidaksantunan

Strategi ketidaksantunan Culpeper	Data	(%)Jumlah/peratus
1. Ketidaksantunan secara langsung	BHO/10A/20/D1 BHO/10A/20/D2 BHO/15M/20/D7	3/15 (20%)
2. Ketidaksantunan positif	-	-
a. Tidak memerhatikan atau mengabaikan	-	-
b. Tidak memberikan simpati	-	-
c. Menggunakan penanda identiti yang tidak tepat	-	-
d. Menggunakan bahasa rahsia atau tidak jelas	-	-
e. Menunjukkan ketidaksungguhan	-	-
f. Menggunakan bahasa yang tabu	-	-
g. Menyapa dengan nama lain	-	-
3. Ketidaksantunan negatif	-	-
a. Menakut-nakutkan	-	-
b. Memandang rendah atau memperlekeh	-	-
c. Mencemuh atau mengejek	BHO/15M/20/D6 BHO/24M/20/D11	2/15(13.3%)
d. Menghina	-	-
e. Tidak memperlakukan dengan bersungguh-sungguh	-	-
f. Memperkecilkan perasaan pendengar	-	-
g. Mengambil kesempatan terhadap pendengar	-	-
h. Menggunakan sapaan dengan menonjolkan aspek personaliti yang negatif	-	-
i. Menempatkan orang lain sebagai yang bertanggungjawab	-	-
4. Penggunaan sindiran	BHO/10A/20/D3 BHO/24M/20/D12 BHO/24M/20/D13 BHO/24M/20/D14	4/15(26.7%)
5. Menahan kesantunan	-	-
6. Pola kombinasi strategi 1 +2b	BHO/10A/20/D4	1/15(6.7%)
7. Pola kombinasi strategi 4+3b	BHO/10A/20/D5	1/15(6.7%)
8. Pola kombinasi strategi 4+1	BHO/24M/20/D8	1/15(6.7%)
9. Pola kombinasi strategi 2f+3c	BHO/24M/20/D9	1/15(6.7%)
10. Pola kombinasi strategi 3c+4	BHO/24M/20/D10 BHO/24M/20/D15	2/15(13.3%)

Berdasarkan Jadual 2 tersebut, dapatan menunjukkan kepelbagaian atau variasi strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh netizen semasa memberikan respons terhadap ketiga-tiga tajuk dalam BHO di pelantar media sosial *Facebook* yang bertarikh 10 April 2020, 15 Mei 2020 dan 24 Mei 2020. Terdapat 8 kategori ketidaksantunan, iaitu (i) Ketidaksantunan secara langsung, (ii) Ketidaksantunan

negatif; mencemuh atau mengejek, (iii) Penggunaan sindiran, (iv) Pola kombinasi strategi 1 +2b, (v) Pola kombinasi strategi 4+3b, (vi) Pola kombinasi strategi 4+1, (vii) Pola kombinasi strategi 2f+3c dan (viii) Pola kombinasi strategi 3c+4. Dapatan ini memperlihatkan penggunaan strategi yang bervariasi atas faktor pengaplikasian strategi ketidaksantunan Culpeper yang wujud dalam dua bentuk, iaitu secara berdiri sendiri sebagaimana dalam strategi 1, 3 & 4 dan secara pembentukan pola kombinasi strategi (6-10) sebanyak 5 pola sebagaimana dapatan dalam Jadual 2.

Berdasarkan dapatan tersebut, strategi penggunaan sindiran menunjukkan penggunaan yang tertinggi, iaitu 4/15 (26.7%), diikuti dengan strategi ketidaksantunan secara langsung, iaitu strategi 1, sebanyak 3/15 (20.0%), strategi ketiga, iaitu ketidaksantunan negatif; mencemuh atau mengejek 2/15 (13.3%). Pola kombinasi strategi ketidaksantunan pula menunjukkan pembentukan 5 pola kombinasi strategi, iaitu pola kombinasi strategi 3c+4 sebanyak 2/15 (13.3%) manakala pola kombinasi strategi 1 +2b, pola kombinasi strategi 4+3b, pola kombinasi strategi 4+1 dan pola kombinasi strategi 2f+3c masing-masing sebanyak 1/15 (6.7%). Pembentukan pola kombinasi strategi ketidaksantunan ini bertitik tolak atas faktor ujaran tidak santun yang dizahirkan netizen menyiratkan tujuan yang pelbagai seperti mencemuh, mengejek, menyindir dan menunjukkan tidak simpati. Sementara strategi 2, iaitu ketidaksantunan positif dan strategi 5 menahan kesantunan tidak ditemukan dengan data-data dalam kajian ini.

Penggunaan dan pembentukan kepelbagaian strategi dalam dapatan kajian menunjukkan bahawa netizen menggunakan ruang komen atau respons tersebut sebagai saluran untuk meluahkan dan mengekspresikan pelbagai emosi atau perasaan sama ada geram, marah dan tidak puas hati dengan tindakan sesetengah rakyat Malaysia yang tidak mematuhi *Standard Operational Procedure* (SOP) semasa wabak COVID-19 menular di seluruh dunia termasuk di Malaysia sejak tahun 2020. COVID-19 merupakan pandemik yang membawa musibah, gangguan sosioekonomi global, penangguhan serta pembatalan acara kebudayaan, keagamaan dan kesukanan di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Masyarakat mengalami ketakutan yang luar biasa dan menempuh suatu norma baharu, iaitu tindakan yang berbeza dari kelaziman dalam mengadaptasi cara kehidupan baharu. Rentetan daripada musibah yang dibawa virus halimunan ini, maka kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan perintah kawalan pergerakan (PKP). Impaknya, rakyat Malaysia mengalami emosi yang bercelaru dan tidak stabil. Kepelbagaian emosi diekspresi menerusi bahasa emotif. Sara Beden (2020a) mengetengahkan bahawa bahasa emotif dalam komunikasi bertujuan untuk membangkitkan sikap yang diharapkan daripada orang lain dan mendorong mereka bertindak. Bahasa ini terbit hasil daripada desakan pelbagai emosi yang dimiliki manusia secara fitrah sehingga menzahirkan perasaan marah, kecewa, geram dan benci mahupun tidak puas hati. Ekspresi emosi, komen dan luahan perasaan tersebut turut menandakan pelbagai cara netizen melepaskan tekanan dan geram sehingga memmanifestasikan ketidaksantunan berbahasa yang turut dicetuskan akibat (PKP) yang menyekat semua pergerakan. PKP fasa 1 bermula 18 –31 Mac 2020, fasa 2 bermula pada 01 hingga 14 April 2020, fasa 3 bermula pada 15 -28 April 2020 dan fasa 4 bermula 29 April –12 Mei 2020 seterusnya perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB) sehingga 09 Jun 2020 (Sara Beden, 2020b).

Strategi ketidaksantunan yang dizahirkan oleh netizen memperlihatkan perilaku berbahasa tidak santun yang mengancam dan mencalar air muka pihak lain. Walau bagaimanapun, perilaku ketidaksantunan dalam perbualan yang dizahirkan dengan sengaja dan dengan niat untuk menyakiti hati si penerima bergantung juga kepada persepsi. Culpeper (1996) menegaskan bahawa tindakan serta interpretasi ketidaksantunan dalam berbahasa juga bergantung kepada niat si pemberi serta pemahaman si pendengar (atau penerima), hubungan mereka, serta persepsi kedua-duanya terhadap sesuatu nilai. Culpeper (2011, p.254) turut menegaskan bahawa ketidaksantunan adalah sikap dan perilaku negatif yang terjadi dalam konteks tertentu. Dalam konteks kajian ini, luahan perasaan yang bervariasi tersebut bertujuan menandakan keprihatinan netizen dengan aspek kesihatan dan keselamatan rakyat Malaysia pada masa itu. Oleh itu, netizen menyuarakan pelbagai emosi negatif mereka sebagai tanda prihatin dengan harapan agar rakyat Malaysia akur dengan arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Desakan-desakan dan kepelbagaian emosi ini teretus akibat daripada sikap

rakyat Malaysia yang tidak mematuhi SOP semasa PKP dikuatkuasakan sejak 18 Mac 2020 di seluruh Malaysia sehingga menyukarkan usaha pelbagai pihak untuk melandaikan keluk jangkitan COVID-19.

Perbincangan Dapatan

Perbincangan analisis berdasarkan dapatan dalam kajian ini dipapar berdasarkan urutan strategi ketidaksantunan sebagaimana paparan hasil dapatan dalam Jadual 2.

Strategi Ketidaksantunan Secara Langsung (1)

Strategi ketidaksantunan secara langsung terdapat dalam 3 daripada 15 data yang digunakan dalam kajian ini, iaitu BHO/10A/20/D1, BHO/10A/20/D2 dan BHO/15M/20/D7. Ketidaksantunan secara langsung (*bald on record impoliteness*), iaitu tingkah laku pengancaman muka dilakukan secara langsung, jelas, tidak kabur dan secara singkat. Data-data ini dipaparkan sebagaimana dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Strategi Ketidaksantunan Secara Langsung

Strategi Ketidaksantunan Secara Langsung	BHO/10A/20/D1	Dgr tiket flight murah lupa musim virus. dah Tu blk bwk virus menyusahkan semua org
	BHO/10A/20/D2	Kerajaan.. Tolong la tutup semua pintu utk rakyat malaysia ke luar negara.. Degil betul rakyat Malaysia!! Lepas tu menyusahkan org lain!
	BHO/15M/20/D7	muka penipu!!!...

Strategi ketidaksantunan secara langsung diperlihatkan dalam data BHO/10A/20/D1 *Dgr tiket flight murah lupa musim virus. dah Tu blk bwk virus menyusahkan semua org* (Dengar tiket *flight* murah lupa musim virus. Dah tu balik bawa virus menyusahkan semua orang). Respons ini merupakan strategi ketidaksantunan secara langsung kerana netizen secara langsung mengancam muka pihak yang disasarkan atau mereka yang mudah lupa diri tanpa berselindung mahupun menjaga air muka mereka. Secara berterus terang netizen mengecam dengan menyatakan bahawa pihak yang lupa diri semasa musim virus COVID-19 akan menyusahkan semua pihak apabila mereka kembali dengan membawa virus. Ungkapan “menyusahkan semua orang” menandakan ancaman muka kepada pihak yang difokuskan oleh netizen sebagai saluran keprihatinan mereka terhadap ahli masyarakat yang lain selain memberikan peringatan kepada pihak yang mudah lupa diri pada musim virus melanda agar tidak teruja dengan harga tiket yang murah. Hal ini dikatakan demikian kerana kita sedia maklum bahawa virus COVID-19 mudah tersebar sesiapa sahaja jika SOP tidak dipatuhi dan tidak diberi perhatian yang serius. Golongan yang teruja ini mendapat kecaman dan kecaman tersebut mengandungi maksud tersirat, iaitu usaha dan harapan agar golongan ini mendapat kesedaran sekali gus berupaya untuk mengekang penularan virus yang semakin meruncing. Menurut Culpeper (1996), tidak semua ketidaksantunan berbahasa itu boleh dikategorikan sebagai amalan negatif kerana setiap komuniti manusia mengamalkan sikap dan amalan berkomunikasi serta pandangan yang berbeza.

Seterusnya, dalam data BHO/10A/20/D2 *Kerajaan ... Tolong la tutup semua pintu utk rakyat malaysia ke luar negara ... Degil betul rakyat Malaysia!! Lepas tu menyusahkan org lain!* (Kerajaan ... Tolonglah tutup semua pintu untuk rakyat Malaysia ke luar negara ... Degil betul rakyat Malaysia!! Lepas itu menyusahkan orang lain!) didapati mengaplikasi strategi ketidaksantunan secara langsung. Ayat “*Degil betul rakyat Malaysia!! Lepas tu menyusahkan orang lain*” merupakan ancaman muka daripada netizen kepada rakyat Malaysia yang enggan mematuhi SOP sehingga netizen merayu agar kerajaan menutup semua pintu untuk ke luar negara. Kata “degil” menandakan secara langsung kecaman netizen terhadap sikap keras kepala segelintir rakyat Malaysia yang menyusahkan pihak lain.

Dalam data BHO/15M/20/D7 *muka penipu!!!*... juga memperlihatkan penggunaan strategi ketidaksantunan secara langsung kerana netizen secara berterus terang mengancam muka dengan tuduhan dan kecaman bahawa negara China yang telah melakukan penipuan berkaitan dengan jumlah kes COVID-19 dengan mendakwa bahawa negara mereka telah bebas daripada wabak COVID-19, sedangkan, realitinya telah wujud kes baharu yang menjangkiti rakyat China dalam tempoh 24 jam. Justeru, netizen meluahkan perasaan geram dan marah mereka dengan mengecam dan “menyerang” negara China sebagai “penipu” (muka penipu) yang bersinonim dengan pembohong. Situasi ini selaras dengan penegasan Locher & Bousfield (2008) bahawa ketidaksantunan merupakan amalan berbahasa dan tingkah laku yang menyerang muka dalam konteks tertentu dan menjatuhkan air muka seseorang, sekali gus melanggar peraturan-peraturan sosial yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian ini strategi ketidaksantunan secara langsung bukan sahaja sebagai saluran untuk melepaskan perasaan geram dan marah tetapi juga sebagai tanda keprihatinan netizen dengan situasi semasa yang berlaku. Tambahan pula, netizen dahagakan maklumat yang benar dalam situasi penularan wabak COVID-19 yang meruncing pada masa itu. Secara tersirat, netizen tidak suka disajikan dengan maklumat palsu kerana situasi penularan wabak COVID-19 memberikan tekanan dari segi emosi, tekanan mental, mengendalakan rutin harian dan mengancam kesihatan mahupun nyawa.

Strategi Ketidaksantunan Negatif (3c)

Strategi ketidaksantunan negatif (*negative impoliteness*) merujuk kepada penggunaan strategi yang bertujuan merosakkan air muka penutur. Strategi ketidaksantunan negatif, iaitu mencemuh atau mengejek terdapat dalam 2 daripada 15 data kajian ini, iaitu dalam data BHO/15M/20/D6 dan BHO/24M/20/D11 sebagaimana paparannya dalam Jadual 4 yang berikut:

Jadual 4: Strategi Ketidaksantunan Negatif (3c)

Mencemuh atau mengejek	BHO/15M/20/D6	China dan tipu berpisah tiada ...
	BHO/24M/20/D11	ketegaq... hangpa tu bukan Menteri ... kan dah mendapat ... ada jugak yg buat kenduri <i>time</i> PKP ni ... akai letak mana

Strategi ketidaksantunan negatif, mencemuh atau mengejek dalam data BHO/15M/20/D6 *China dan tipu berpisah tiada ...* jelas menzahirkan cemuhan dan ejekan kepada China yang sinonim dengan penipu apabila tidak menyampaikan maklumat yang sahih. Dalam BHO yang bertarikh 15 Mei 2020 dilaporkan bahawa “China menyatakan kebimbangan berhubung kes jangkitan *import* yang menyebabkan penularan baharu di negara itu selepas mendakwa bebas daripada wabak COVID-19”. Justeru, netizen melampiaskan perasaan marah dan menyuarakan strategi tidak santun menerusi cemuhan apabila membaca berita tersebut, seolah-olah negara China telah menipu kerana telah mendakwa bebas COVID-19 sedangkan jangkitan masih berlaku. Oleh itu, netizen melontarkan kata-kata berunsur ejekan dan cemuhan bahawa negara China dengan sikap menipu amat erat dan tidak dapat dipisahkan menerusi ungkapan “*China dan tipu berpisah tiada*”. Tindakan negara China menyebarkan berita tersebut menyebabkan netizen membuat persepsi negatif kepada negara China dan menghubungkaitkannya dengan sifat penipu. Kewujudan persepsi dan perasaan negatif ini juga dirangsang oleh faktor penularan wabak COVID-19 yang bermula di negara China yang kemudiannya telah menular ke seluruh dunia. Persepsi negatif ini disuarakan menerusi cemuhan yang dapat mencalar dan mencemarkan imej negara China. Perkara ini sejajar dengan penegasan Nor Shahila Mansor et al. (2014) bahawa ketidaksantunan komunikasi terjadi apabila seorang penutur menggunakan pelbagai bentuk ujaran yang boleh mengancam dan menyumbang kepada kesan negatif terhadap imej pendengar atau penerima.

Strategi ketidaksantunan negatif; mencemuh atau mengejek juga dikenal pasti dalam data BHO/24M/20/D11 *ketegaq ... hangpa tu bukan Menteri ... kan dah mendapat ... ada jugak yg buat kenduri time PKP ni ... akal letak mana* (degil/keras kepala ... awak semua tu bukan Menteri ... kan dah mendapat ... ada jugak yang buat kenduri *time* PKP ni ... akal letak mana). Strategi ketidaksantunan negatif mencemuh atau mengejek ditandai kata “ketegaq” (dialek Kedah yang bermaksud degil atau keras kepala) bertujuan mencemuh rakyat Malaysia yang bersikap degil dan keras kepala kerana tidak sedar dengan kedudukan mereka sebagai golongan marhaen atau rakyat biasa. Frasa “awak semua tu bukan menteri” merupakan ejekan kepada golongan marhaen yang tidak sedar diri dengan status mereka sebagai rakyat biasa tetapi berani melanggar SOP. Strategi ini juga ditandai frasa “akal letak mana” yang memanifestasikan ejekan kepada golongan marhaen yang tidak berfikir dalam bertindak seolah-olah tidak memiliki akal fikiran yang waras dan rasional. Netizen menzahirkan ketidaksantunan mereka kerana tidak berpuas hati, geram dan marah dengan tindakan rakyat Malaysia yang tidak mematuhi SOP semasa PKP yang bermula sejak 18 Mac 2020. Golongan marhaen seolah-olah tidak sedar bahawa status mereka tidak sama dengan golongan menteri yang mungkin mudah melepaskan diri dan terlepas daripada tindakan undang-undang jika melanggar SOP. Situasi ini mengundang kemarahan netizen sehingga menerbitkan emosi yang negatif dengan mengejek “akal” golongan berkenaan. “Akal” merupakan fakulti dalam minda yang dianugerahkan oleh Tuhan kepada setiap manusia dan sebaik-baiknya digunakan dengan kaedah yang bijaksana dan rasional, jika berlaku sebaliknya maka mengundang cemuhan dan ejekan. Unsur ejekan ini bukanlah semata-mata penzahiran ketidaksantunan, namun memanifestasikan keprihatinan netizen yang memberikan respons agar rakyat Malaysia berfikir dengan rasional.

Strategi Penggunaan Sindiran (4)

Strategi penggunaan sindiran pula terdapat dalam 4 daripada 15 data kajian ini, iaitu BHO/10A/20/D3, BHO/24M/20/D12, BHO/24M/20/D13 dan BHO/24M/20/D14 sebagaimana paparannya dalam Jadual 5 yang berikut:

Jadual 5: Strategi Penggunaan Sindiran

Penggunaan sindiran	BHO/10A/20/D3	Sejenis yg mementingkn diri, seronok pergi luar negara pastu bwk blik ole2 corona
	BHO/24M/20/D12	cepat2 la lingkup menteri2 PN tebuk atap pintu blakaang ni Allah, aamiin ya rabb.
	BHO/24M/20/D13	Ni kalau dap berkerumun penjilat parti muafakar komen sampai ke kain kafan sendiri
	BHO/24M/20/D14	Buat jer ... la adalah baik tapi tak perlukan tangkap gambar untuk mencari publisiti. Tuhan tahu sudahlah! Tak perlu lihat camera!Rosak motif Yang suci!

Culpeper (1996) menegaskan bahawa penggunaan sindiran (*sarcasme atau mock impoliteness*) merujuk kepada ketidaksantunan secara ajukan, pura-pura, disengajakan atau dibuat-buat. Haverkate (1994) pula berpendapat bahawa sindiran secara umumnya dikategorikan sebagai lakuan tidak santun manakala Keraf (2007) menyatakan bahawa sarkasme merupakan ujaran yang mengandungi kepahitan dan celaan yang kasar dan keras. Dalam kajian menerusi respons netizen pada ruangan BHO dalam *Facebook* memperlihatkan penggunaan sindiran (*sarcasm*) yang signifikan. Data BHO/10A/20/D3 *Sejenis yg mementingkn diri, seronok pergi luar negara pastu bwk blik ole2 corona* (Sejenis yang mementingkan diri, seronok pergi luar negara lepas tu bawa balik oleh-oleh corona (COVID-19) mengekpresikan sindiran netizen kepada rakyat Malaysia yang mementingkan diri sendiri dengan pergi ke luar negara ketika penularan wabak COVID-19. Frasa yang menandai sindiran ialah “seronok pergi luar negara”

suatu pujian yang dibuat-buat atau sengaja sebagaimana gagasan Culpeper (1996) dan frasa “lepas tu bawa balik ole-ole corona” menandakan juga kepura-puraan memuji dan disengajakan dengan tujuan menyindir bahawa mereka yang balik dari luar negara akan membawa virus COVID-19 sebagai buah tangan (oleh-oleh), seterusnya menjangkiti orang lain. Sindiran ini terdeteksi akibat tidak puas hati dengan tindakan rakyat Malaysia yang keras kepala. Sindiran ini mengkomunikasikan hasrat netizen agar rakyat Malaysia memikirkan kesan di sebalik tindakan yang diambil oleh mereka.

Sementara dalam data BHO/24M/20/D12 *cepat2 la lingkup menteri2 PN tebuk atap pintu blakaang ni Allah, aamiin ya rabb* (cepat-cepat la lingkup (letak jawatan) menteri-menteri PN tebuk atap pintu belakang ni Allah, aamiin ya rabb) pula menyindir golongan ahli politik khususnya menteri-menteri yang menganggotai parti Perikatan Nasional (PN) yang membentuk kerajaan. Frasa “tebuk atap pintu belakang” menjadi sangat ironi apabila dikaitkan dengan sebuah kerajaan yang memerintah. Ratna (2009) menyatakan bahawa ironi merupakan gaya bahasa yang berupa sindiran halus. Justeru, frasa ini menzahirkan sindiran netizen secara halus dan tersirat terhadap kerajaan PN yang terbentuk secara tidak sah. Respons netizen ini sekali gus mencerminkan strategi tidak santun kerana suatu kecaman dan sindiran yang sengaja meremehkan wibawa menteri-menteri PN yang sedang memerintah. Ujaran tidak santun terbit apabila netizen tidak berpuas hati dengan pembentukan barisan menteri PN sehingga disuarakan menerusi frasa “tebuk atap pintu belakang”. Perkara ini dirangsang oleh situasi ketidaktertutan yang berlaku akibat penularan wabak COVID-19 di seluruh negara dan ditambah dengan percaturan politik yang kurang stabil pada masa tersebut.

Seterusnya, data BHO/24M/20/D13 *Ni kalau dap berkerumun penjilat parti muafakat komen sampai ke kain kafan sendiri* (Ni kalau DAP berkerumun penjilat parti muafakat komen sampai ke kain kafan sendiri) memperlihatkan strategi tidak santun netizen dengan menggunakan sindiran secara sengaja dan dibuat-buat kepada penyokong dan parti DAP. Frasa “berkerumun penjilat parti muafakat komen sampai ke kain kafan sendiri” menandakan sindiran kepada penyokong parti DAP yang menjadi “penjilat” atau penyokong kuat yang tidak akan berganjak atau berpaling tadah daripada sokongan mereka kepada parti tersebut. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019), mentakrifkan penjilat sebagai orang yang menjilat (mengangkat seseorang) dan dalam data kajian ini “penjilat” sinonim dengan penyokong yang menjulang parti DAP. Penggunaan istilah “penjilat” dalam konteks data ini mempunyai konotasi yang berunsur negatif kerana golongan “penjilat” ini hanya hendak mengenyangkan perut sendiri atau menjadi tali barut sehingga menyebabkan pelbagai isu timbul dalam situasi pandemik yang semakin buruk. Golongan “penjilat” memiliki agenda yang sempit serta licik dan mengambil kesempatan (oportunistik) untuk kepentingan diri mereka sendiri. Situasi inilah yang mencetuskan sindiran tajam daripada netizen. Sindiran ini pula diasosiasikan dengan kain kafan (kain pembalut mayat/jenazah) menerusi frasa “sampai ke kain kafan sendiri” yang menyiratkan makna bahawa penyokong DAP ini akan setia sehingga ke akhir hayat mereka sebagai tanda sokongan kepada parti. Golongan “penjilat” ini mementingkan keuntungan sahaja tanpa memikirkan implikasinya kepada isu yang sedang meruncing di sekitar mereka. Situasi ini mencetuskan perasaan tidak puas hati golongan netizen.

Data BHO/24M/20/D14 *Buat jer.. lah adalah baik tapi tak perlukan tangkap gambar untuk mencari publisiti. Tuhan tahu sudahlah! Tak perlu lihat camera! Rosak motif Yang suci!* (Buat sajalah adalah baik tapi tak perlukan tangkap gambar untuk mencari publisiti. Tuhan tahu sudahlah! Tak perlu lihat camera! Rosak motif yang suci!) juga suatu sindiran secara sengaja kepada orang politik mahupun golongan yang suka menunjuk-nunjuk semasa memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan pertolongan semasa penularan COVID-19. Frasa “tak perlukan tangkap gambar untuk mencari publisiti. Tuhan tahu sudahlah! Tak perlu lihat camera” suatu sindiran yang tajam daripada netizen. Kita sedia maklum, golongan marhaen terkesan dari segi sosioekonomi akibat penularan wabak COVID-19 dan amat memerlukan bantuan. Ahli politik dan pihak tertentu telah bermurah hati menyumbangkan bantuan, namun sikap menunjuk-nunjuk dengan mengambil gambar dan membuat

publisiti mendapat sindiran daripada netizen. Bagi netizen, biarlah perbuatan yang baik tersebut hanya diketahui Tuhan. Sara Beden (2020b) menyimpulkan bahawa pemimpin perlu ikhlas dan rela berkorban agar dapat memberikan manfaat dan berupaya membela bangsanya khususnya dalam situasi negara dilanda musibah. Strategi ketidaksantunan dalam data ini disampaikan menerusi sindiran yang agak tajam dan halus kepada ahli politik dan pihak tertentu. Nordiana Ab Jabar & Mohd Faradi Mohamed Ghazali (2021) dalam kajian tentang komunikasi sindiran dalam seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir menamakan gaya sindiran ini sebagai *innuendo* yang merupakan perbuatan mencemuh atau menyindir seseorang secara halus dan tajam agar tidak bertindak secara melulu. Sindiran daripada netizen memperlihatkan tujuan yang murni, iaitu sebagai tanda prihatin untuk menyedarkan pihak-pihak tertentu agar beramal dengan penuh keikhlasan.

Sehubungan dengan itu, sikap yang ditunjukkan oleh golongan ini seolah-olah tidak ikhlas membantu, sebaliknya lebih suka mencari publisiti. Sindiran netizen “Rosak motif yang suci” menandakan sindiran sinis netizen tentang hasrat atau niat suci golongan berkenaan dalam menyumbangkan bantuan kepada yang memerlukannya. Apabila niat yang suci bertukar menjadi riak, maka amalan kebaikan diragui sehingga mendapat sindiran secara sengaja daripada netizen. Sindiran netizen dalam ruangan respons tersebut ada benarnya agar ahli politik lebih mengutamakan kepentingan awam daripada kepentingan peribadi. Sikap menunjuk-nunjuk ini merupakan suatu tindakan tidak matang golongan ahli politik dalam situasi rakyat menderita akibat wabak COVID-19. Interpretasinya, netizen sengaja mengingat dan menyedarkan golongan ahli politik agar melaksanakan tanggungjawab secara ikhlas. Tarigan (1985) menamakan sindiran ini sebagai sinisme, iaitu jenis gaya bahasa sindiran berbentuk kesangsian yang mengandungi ejekan terhadap keikhlasan dan ketulusan hati seseorang.

Pola Kombinasi Strategi Ketidaksantunan Secara Langsung + Ketidaksantunan Positif - Tidak Memberikan Simpati (1+2b)

Pola kombinasi strategi ketidaksantunan secara langsung + ketidaksantunan positif, iaitu tidak memberikan simpati terdapat dalam 1 daripada 15 data kajian ini, iaitu dalam data BHO/10A/20/D4 sebagaimana dalam Jadual 6 yang berikut:

Jadual 6: Pola kombinasi strategi 1 + 2b

Pola Kombinasi Strategi 1+2b	BHO/10A/20/D4	Yg jenis melancong luar negara ni, memang sjenis pentingkan diri. Pilih khendak dari keselamatan.
------------------------------	---------------	---

Data BHO/10A/20/D4 *Yg jenis melancong luar negara ni, memang sjenis pentingkan diri. Pilih khendak dari keselamatan* (Yang jenis melancong ke luar negara ni, memang sejenis pentingkan diri. Pilih kehendak dari keselamatan) memperlihatkan frasa “memang sejenis pentingkan diri” yang menandakan strategi ketidaksantunan secara langsung kerana netizen secara langsung melabel dan mengecam mereka yang melancong ke luar negara sebagai mementingkan diri sendiri. Netizen menyuarakan secara langsung perasaan tidak puas hati mereka khususnya kepada golongan yang mementingkan diri ini. Sementara ayat “Pilih kehendak dari keselamatan” pula menandakan strategi ketidaksantunan positif, iaitu tidak memberikan simpati kerana netizen tidak menunjukkan sikap belas kasihan kepada golongan ini malah menuduh mereka yang suka melancong lebih mengutamakan kehendak atau keinginan daripada keselamatan yang menginterpretasikan sikap individualistik golongan ini. Anggota masyarakat telah sedia maklum bahawa sejak Mac 2020, penularan wabak semakin meruncing di seluruh dunia termasuklah di Malaysia, namun masih terdapat rakyat Malaysia yang bertindak mengutamakan kehendak sendiri dengan pergi melancong walaupun situasi jangkitan

kes COVID-19 sedang meningkat naik. Impaknya, situasi ini telah menimbulkan kemarahan dan perasaan tidak puas hati pihak netizen menerusi ujaran tidak santun sebagaimana yang terpapar dalam ruangan respons BHO.

Pola Kombinasi Strategi Penggunaan Sindiran + Ketidaksantunan Negatif - Memandang Rendah atau Memperlekeh (4+3b)

Pola kombinasi strategi penggunaan sindiran + ketidaksantunan negatif, iaitu memandang rendah atau memperlekeh terdapat dalam 1 daripada 15 data kajian ini sebagaimana dalam Jadual 7 yang berikut:

Jadual 7: Pola Kombinasi Strategi 4+3b

Pola Kombinasi Strategi 4+3b	BHO/10A/20/D5	Makan angin hingga ke seberang laut tapi tidak ambil tahu tentang perkembangan dunia n Alam keliling ... anda belum hebat
------------------------------	---------------	---

Pola kombinasi strategi penggunaan sindiran + ketidaksantunan negatif, iaitu memandang rendah atau memperlekeh dalam data BHO/10A/20/D5 *Makan angin hingga ke seberang laut tapi tidak ambil tahu tentang perkembangan dunia n Alam keliling ...anda belum hebat* (Makan angin hingga ke seberang laut tapi tidak ambil tahu tentang perkembangan dunia dan alam keliling ... anda belum hebat) merupakan sindiran netizen kepada mereka yang melancong ke luar negara, namun tidak mengambil tahu tentang perkembangan dunia dan perkara yang berlaku di sekeliling mereka khususnya semasa penularan wabak COVID-19 sedang berleluasa sejak Mac 2020. Perkara ini mencetuskan perasaan tidak puas hati netizen sehingga menyindir secara sengaja. Frasa “anda belum hebat” merupakan strategi ketidaksantunan negatif, iaitu memandang rendah atau memperlekeh mereka yang melancong pada masa wabak COVID-19 menular. Ironinya, pelancong yang ke luar negara memiliki kelebihan dari segi status dan kedudukan. Walau bagaimanapun, netizen memandang rendah atau memperlekeh golongan ini sebagai tidak atau belum hebat apabila mereka tidak mengambil tahu peristiwa di sekeliling mereka, sebaliknya menurut kehendak semata-mata. “Hebat” dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019) merujuk kepada sangat luar biasa, bagus, dahsyat, kuat atau elok. Netizen menafikan kehebatan mereka dengan memperlekeh kehebatan yang tidak bertempat kerana jahil dengan peristiwa penting di sekitar mereka, sedangkan mereka mengetahui bahawa wabak COVID-19 berupaya mengancam kesihatan dan nyawa. Ejekan ini umpama satira yang bertujuan menyedarkan masyarakat atas kekhilafan mereka dalam membuat keputusan semasa wabak COVID-19 sedang menular. Keraf (2007) menyifatkan satira yang mengandungi kritikan tentang kelemahan manusia bertujuan untuk memberi kesedaran dan menambah baik kelemahan yang ada.

Pola Kombinasi Strategi Penggunaan Sindiran + Strategi Ketidaksantunan Secara Langsung (4+1)

Pola kombinasi strategi penggunaan sindiran + strategi ketidaksantunan secara langsung terdapat dalam 1 daripada 15 data kajian ini, dalam data BHO/24M/20/D8 sebagaimana dalam Jadual 8 berikut:

Jadual 8: Pola Kombinasi Strategi 4+1

Pola Kombinasi Strategi 4+1	BHO/24M/20/D8	Ape ko ingat rakyat Malaysia nie bodoh sgt ke?? Eh ko pon sama laaa .. Pi la tido sekatil gan depaa ..
-----------------------------	---------------	--

Pola kombinasi strategi penggunaan sindiran + strategi ketidaksantunan secara langsung, BHO/24M/20/D8 *Ape ko ingat rakyat Malaysia nie bodoh sgt ke?? Eh ko pon sama laaa.. Pi la tido sekatil gan depaa..* (Apa kau ingat rakyat Malaysia ni bodoh sangat ke?? Eh kau pun sama laaa.. Pergilah tidur sekatil dengan mereka) memmanifestasikan sindiran secara langsung pihak netizen kepada pihak PN yang cuba membodohkan rakyat Malaysia. Sindiran ini menyiratkan usaha netizen untuk mengingatkan dan memberikan amaran kepada pihak tersebut bahawa rakyat Malaysia tidak mudah untuk diperbodoh sesuka hati. Sementara ayat “Eh kau pun sama laaa.. Pergilah tidur sekatil dengan mereka” merupakan strategi ketidaksantunan secara langsung kerana netizen secara langsung bersikap tidak santun, iaitu mengutuk dan mengecam air muka penyokong PN yang dikatakan turut bersikap sama seperti pemimpin PN yang cuba membodohkan rakyat Malaysia. Dalam frasa “Pergilah tidur sekatil dengan mereka” suatu sindiran tajam kepada penyokong PN agar meneruskan sokongan secara membuta tuli kepada PN yang cuba membodohkan rakyat Malaysia.

Pola Kombinasi Strategi Ketidaksantunan Positif - Menggunakan Bahasa Tabu + Strategi Ketidaksantunan Negatif - Mencemuh atau Mengejek (2f+3c)

Pola kombinasi strategi ketidaksantunan positif, iaitu menggunakan bahasa tabu + strategi ketidaksantunan negatif, iaitu mencemuh atau mengejek terdapat dalam 1 daripada 15 data kajian ini, dalam data BHO/24M/20/D9 sebagaimana dalam Jadual 9 yang berikut:

Jadual 9: Pola Kombinasi Strategi 2f+3c

Pola Kombinasi Strategi 2f+3c	BHO/24M/20/D9	mcm pukimok perangai anak gini..tak knang jasa mok ayah
-------------------------------	---------------	---

Seterusnya, data BHO/24M/20/D9 *Mcm pukimok perangai anak gini..tak knang jasa mok ayah* (Macam pukimak perangai anak gini..tak kenang jasa mak ayah) dengan frasa “Macam pukimak perangai anak gini” menzahirkan ketidaksantunan menerusi penggunaan bahasa tabu (makian) yang bukan sahaja mengancam air muka malahan mencalarakan maruah seseorang. “Pukimak” merupakan satu perkataan yang tabu dan amat tidak sopan dalam masyarakat Melayu dan berasal daripada bahasa pasar, "puki" (faraj) dan "mak" (emak) yang merujuk kepada kemaluan seorang ibu yang dianggap sebagai sesuatu yang lucu dan seseorang yang mengujarkannya bukan sahaja tidak menjaga kesantunan malahan dianggap biadap kerana berupaya mengancam imej seseorang. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019) menjelaskan tabu sebagai sesuatu yang dilarang, terlarang atau pemali yang ditegah dalam percakapan. Dalam masyarakat Melayu, anggota tubuh badan khususnya yang berkaitan dengan alat kemaluan merupakan sesuatu yang paling sensitif (Petronella Apin & Kartini Abd Wahab, 2015) dan tidak boleh disebut sesuka hati kerana mengimplikasikan penghinaan. Penggunaannya mencerminkan penutur daripada golongan yang kurang adab (kelas bawahan) yang mempunyai tingkah laku yang kasar dan tidak dapat mengawal emosi amarah. Dalam konteks kajian ini, penggunaan perkataan ini tercetus apabila netizen berasa amat marah dan geram sehingga terbit ujaran berbentuk makian kesan daripada sikap anak muda yang enggan mentaati ibu bapa dengan melanggar SOP dan menyusahkan ibu bapa mereka apabila mereka dikenakan tindakan undang-undang. Rodríguez & Peña (2011) menyatakan bahawa bentuk-bentuk ujaran ketidaksantunan termasuklah makian, tidak menghargai, memberikan tekanan, membuat perbandingan yang keterlaluan, mempermainkan atau mempersenda boleh meninggalkan tanggapan negatif kepada khalayak.

Sementara itu, strategi ketidaksantunan negatif, iaitu mencemuh atau mengejek (3c) diperlihatkan menerusi frasa “tak kenang jasa mak ayah” yang merupakan cemuhan atau ejekan kepada sikap anak muda yang berperangai negatif dan tidak mentaati ibu bapa sebagai anak yang tidak mengengang jasa

sehingga menyusahkan orang tua mereka. Cemuhan ini mencitrakan imej negatif golongan muda yang sudah hilang sikap hormat dan taat kepada orang tua. Cemuhan ini berlaku selepas netizen mengancam imej golongan ini dengan menggunakan perkataan yang kesat (pukimak) sebagaimana perbincangan sebelum ini. Secara langsung, didapati netizen tidak segan silu mengekspresikan perasaan mereka sama ada yang kesat, kasar, lucah mahupun berunsur makian dalam media sosial asalkan mereka dapat mencapai objektif untuk mencemuh dan melepaskan perasaan. Azianura Hani Shaari dan Mohammad Rahim Kamaluddin (2019) dalam kajian tentang ketidaksantunan mendapati bahawa Internet telah dijadikan sebagai platform untuk melepaskan perasaan, mempamerkan identiti terselindung yang tidak berupaya dipamerkan di alam nyata, serta mendapat lebih kebebasan untuk menjadi diri sendiri tanpa risau akan sebarang halangan atau pandangan negatif masyarakat sekeliling. Dalam konteks kajian ini, ejekan berlaku akibat kemarahan netizen kerana sikap anak muda yang tidak memikirkan kesusahan yang dihadapi orang tua ketika mereka melanggar SOP. Walaupun media sosial *Facebook* menjadi medan para netizen melampiaskan kemarahan dan pelbagai emosi lebih-lebih lagi semasa wabak COVID-19 sedang menular, namun di sebalik perbuatan ini tersirat sikap prihatin mereka kerana bimbang akan penularan wabak yang meruncing sejak dari bulan Mac 2020.

Pola Kombinasi Strategi Ketidaksantunan Negatif - Mencemuh atau Mengejek + Strategi Penggunaan Sindiran (3c+4)

Pola kombinasi strategi ketidaksantunan negatif, iaitu mencemuh atau mengejek + strategi penggunaan sindiran terdapat dalam 2 daripada 15 data kajian, iaitu dalam data BHO/24M/20/D10 dan BHO/24M/20/D15 sebagaimana paparannya dalam Jadual 10 yang berikut:

Jadual 10: Pola Kombinasi Strategi 3c+4

Pola Kombinasi Strategi 3c+4	BHO/24M/20/D10	Kjaan pn satu hal, yg bgi kelonggaran tu buat apa,,bknnya mati pn duk kampus tu,,..
	BHO/24M/20/D15	Timbalan menteri kebal undang-undang..harap tidak kebal dengan covid19 . Orang politik/vip memang kebal undang-undang, realiti hidup di bumi syaitan..

Data BHO/24M/20/D10 *Kjaan pn satu hal, yg bgi kelonggaran tu buat apa,,bknnya mati pn duk kampus tu,,..* (Kerajaan pun satu hal, yang bagi kelonggaran tu buat apa,,bukannya mati pun duduk kampus tu,,..) mematuhi pola kombinasi strategi ketidaksantunan negatif, iaitu mencemuh atau mengejek + strategi penggunaan sindiran. Strategi ketidaksantunan negatif - mencemuh atau mengejek dikenal pasti menerusi cemuhan atau ejekan daripada netizen kepada kerajaan dalam frasa “Kerajaan pun satu hal, yang bagi kelonggaran tu buat apa” apabila kerajaan membenarkan pelajar yang berada di kampus untuk bergerak balik ke kampung masing-masing. “Kerajaan pun satu hal” merupakan suatu ejekan yang berbau kritikan tentang pendirian kerajaan yang membuat keputusan tidak tepat kerana membenarkan pergerakan pelajar balik ke kampung. Dalam strategi ketidaksantunan Culpeper (1996), kritikan netizen ini mengancam dan merosakkan air muka kerajaan yang memerintah. Ini kerana keputusan kerajaan tersebut boleh mengakibatkan jangkitan virus dan peningkatan kes jangkitan COVID-19 yang masih meruncing pada bulan Mei 2020. Dalam hal ini, netizen mengingatkan agar membuat keputusan yang munasabah yang sekali gus berupaya membendung penularan wabak COVID-19. Sara Beden (2020b) menegaskan bahawa seorang pemimpin wajar berkaliber dan berkarisma agar mendapat kepercayaan dan keyakinan rakyat lebih-lebih lagi dalam situasi negara dilanda musibah COVID-19.

Penggunaan sindiran pula dimanifestasi dengan frasa “bukannya mati pun duduk kampus tu” yang secara langsung menyindir tindakan kerajaan yang dianggap tidak tepat kerana bagi netizen, para pelajar yang berada di kampus tidak akan mati, sebaliknya kelonggaran yang diberikan oleh kerajaan mendatangkan kesan yang tidak diinginkan dan mengundang jangkitan virus dengan cepat. Sindiran daripada netizen ini berupaya memberikan peringatan dan menyedarkan pihak-pihak tertentu (jika ditafsir dari sudut yang positif) walaupun mengancam imej kerajaan kerana tafsiran setiap pihak terhadap sesuatu ujaran adalah berbeza. Perkara ini ditegaskan oleh Rodríguez & Peña (2011) yang menyatakan bahawa sekiranya pendengar mentafsirkan sesuatu ujaran tersebut (makian, tekanan, menidakkan sesuatu pendapat, tidak menghargai, perbandingan dan sebagainya) sebagai santun (kerana ujaran itu tidak sampai mengguris hati atau mengancam imej sendiri) maka ujaran ketidaksantunan itu masih kekal sebagai santun. Sementara Siti Norsyahida Mohd A. Rashid dan Nor Azuwan Yaakob (2017) pula menyatakan penggunaan kata tersirat akan mendatangkan kesan sama ada positif atau negatif terhadap penerima kerana ini bergantung kepada penerimaan seseorang. Justeru, sindiran daripada netizen kepada kerajaan bukan semata-mata mengancam air muka kerajaan malahan mengkomunikasikan peringatan agar membuat keputusan yang tepat.

Sehubungan dengan itu, data BHO/24M/20/D15 *Timbalan menteri kebal undang-undang..harap tidak kebal dengan covid19. Orang politik/vip memang kebal undang-undang, realiti hidup di bumi syaitan..* (Timbalan menteri kebal undang-undang..harap tidak kebal dengan COVID-19. Orang politik/vip memang kebal undang-undang, realiti hidup di bumi syaitan) juga merepresentasi pola kombinasi strategi ketidaksantunan negatif, iaitu mencemuh atau mengejek + strategi penggunaan sindiran. Strategi ketidaksantunan negatif - mencemuh atau mengejek dikenal pasti menerusi ungkapan “Timbalan menteri kebal undang-undang.., Orang politik” dan “golongan vip memang kebal undang-undang” merupakan ejekan dan cemuhan kepada ahli politik, golongan VIP dan golongan menteri yang dikatakan kebal undang-undang. Golongan ini dicemuh kerana mereka tidak akan dikenakan tindakan walaupun melakukan kesalahan. Jika disorot, semasa wabak sedang meruncing, ada antara golongan ini yang melanggar SOP, namun mereka telah terlepas daripada tindakan undang-undang. Justeru, netizen meluahkan perasaan tidak puas hati dan marah dengan membuat kritikan yang tajam sehingga menyerlahkan ketidaksantunan pada ruangan BHO dalam *Facebook*. Perkara ini berlaku ekoran daripada sikap pemimpin yang tidak menunjukkan fungsi dan ciri-ciri kepimpinannya. Kartodirdjo (1990, p. vi) mengetengahkan bahawa dalam melaksanakan tugas dalam struktur sosial masyarakatnya, seseorang pemimpin perlu membawa fungsi menguasai, mengatur dan mengawasi agar tujuan kolektif tercapai serta terjaga nilai-nilai sosiobudaya masyarakat yang dipimpin. Kecaman daripada netizen dengan menggunakan strategi ketidaksantunan dalam data ini boleh mencalarakan imej golongan pemimpin akibat kegagalan pemimpin menunjukkan teladan yang baik. Sungguh pun demikian, kecaman ini boleh menyedarkan golongan pemimpin agar menunjukkan karisma dan wibawa sebagai pemimpin untuk mendapatkan penghormatan daripada rakyat.

Sementara frasa “harap tidak kebal dengan COVID-19” merupakan satu ironi yang signifikan kerana tidak ada sesiapa yang kebal dengan jangkitan COVID-19 sekiranya tidak mematuhi SOP. Sindiran tajam ini mengintepretasikan bahawa netizen sengaja dan berpura-pura menyindir golongan ahli politik mahupun menteri ekoran daripada sebilangan kecil golongan menteri yang terlepas daripada tindakan undang-undang walaupun telah melanggar SOP semasa penularan wabak COVID-19 sedang memuncak. Secara harfiahnya, ungkapan “harap tidak kebal dengan COVID-19” menzahirkan emosi netizen yang tidak berpuas hati dengan sikap dan tindakan golongan pemimpin yang memperlekeh SOP. Berdasarkan penginterpretasian, sewajarnya golongan pemimpin menunjukkan kaliber, kewibawaan dan teladan yang baik kepada rakyat jelata. Sara Beden (2019, p. 40) menegaskan bahawa pemimpin yang berkaliber ialah pemimpin yang mampu menaungi,

memayungi, melindungi dan membela kepentingan serta kebajikan rakyat. Apabila berlaku sebaliknya, maka netizen terpacu untuk menyindir golongan pemimpin bertujuan menegur pemimpin agar sedar akan kepincangan mereka.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, masyarakat lazimnya akan mengelak daripada mengujarkan bentuk-bentuk bahasa yang mencerminkan ketidaksantunan kerana ketidaksantunan berupaya menimbulkan konflik dan mengancam air muka pihak-pihak tertentu. Penggunaan strategi ketidaksantunan Culpeper dalam data kajian memmanifestasi dan menyirati objektif komunikasi netizen untuk mengekspresi dan meluahkan perasaan tidak puas hati, marah dan geram sehingga menggunakan bahasa emotif yang berupaya mengancam air muka dan mencalarakan imej. Walau bagaimanapun, strategi ketidaksantunan dalam respons netizen berdasarkan BHO mempunyai nilai pengaruh yang tersendiri terhadap rakyat Malaysia agar berubah dengan mematuhi SOP dan menyenangkan hati semua pihak. Elemen ketidaksantunan sama ada positif mahupun negatif seperti ujaran secara langsung tentang cemuhan, ejekan, tidak simpati dan penggunaan sindiran dalam data kajian menyirati tujuan komunikasi berdasarkan respons netizen. Penggunaan strategi ketidaksantunan yang diekspresikan menerusi ujaran bahasa tidak santun berfungsi sebagai tanda keprihatinan netizen yang memberikan respons pada ruangan BHO dalam *Facebook* agar khalayak dan rakyat Malaysia berfikir dengan membuat anjakan paradigma dari segi pemikiran dan cara bertindak. Tersiratnya, netizen berhasrat menyedarkan rakyat Malaysia agar mematuhi SOP, undang-undang serta peraturan yang telah dikuatkuasakan semasa penularan wabak COVID-19. Kesedaran rakyat Malaysia berupaya membendung penularan wabak ini walaupun tidak secara drastik. Keprihatinan netizen dizahirkan menerusi pelbagai strategi ketidaksantunan dengan tujuan mengingot, menegur, mengkritik dan menyedarkan rakyat Malaysia dan golongan pemimpin semasa wabak COVID-19 melanda.

Rujukan

- Asmah Haji Omar. (2007). *Kesantunan bahasa dalam pengurusan pentadbiran dan media*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2019). Buli siber: Ketidaksantunan bahasa dan etika media sosial dalam kalangan remaja Malaysia. *Journal of Social Science and Humanities*, 16 (6), 1-16.
- Berg, L. Bruce. (2004). *Qualitative research method for the social sciences*. Pearson.
- Brown, P. & Levinson, S.C. (1987). *Politeness some universals in language*. Cambridge University Press.
- Rohaniza Idris, Mohd Iskandar Ibrahim & Latifah Arifin. (2020, April 10). COVID-19: PKP dilanjutkan hingga 28 April. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/675471/covid-19-pkp-dilanjutkan-hingga-28-april>
- Agensi. (2020, Mei 15). COVID-19: China kesan 4 kes jangkitan baharu dalam tempoh 24 jam. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2020/05/689092/covid-19-china-kesan-4-kes-jangkitan-baharu-dalam-tempoh-24-jam>
- AFP. (2020, Mei 24). COVID-19: Lebih 5.25 juta kes, 339,000 kematian seluruh dunia. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/05/692394/covid-19-lebih-525-juta-kes-339000-kematian-seluruh-dunia>
- Culpeper, J. (1996). Towards an anatomy of impoliteness. *Journal of Pragmatics*, 25, 349–367.
- Culpeper, J. (2011). *Impoliteness: Using language to cause offence*. Cambridge University Press.
- Dony Cahyono (2018) *Impoliteness strategies and power performed by President Donald Trump on Twitter*. [Unpublished academic exercise]. Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim.
- Eikhwan Ali & Mahirah Rashid. (2020). Pandemik Covid19: Mendepani impak psikososial. Dimuat turun daripada content/uploads/2020/04/PERSPEKTIF-Pandemik-COVID-19-Mendepani-Impak-Psikososial.pdf.

- Haverkate, H. (1994). *La Cortesia Verbal [Ketidaksantunan Verbal]*. Madrid: Editorial Gredos.
- Kamus Dewan* (edisi keempat). (2019). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartodirdjo, S. (1990). Kata Pengantar. In Kartodirdjo, S. (Ed.), *Kepimpinan dalam dimensi sosial*. Lembaga Penelitian Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial.
- Keraf, G. (2007). *Diksi dan gaya bahasa*. PT Gramedia Pustaka.
- Lakoff, Robin. (1989). The limits of politeness. *Multilingua*, 8, 101-129.
- Locher, M. A. & Bousfield, D. (2008). Introduction: Impoliteness and power in language. In Derek Bousfield and Miriam A. Locher (Eds.), *Impoliteness in language: Studies on its interplay with power in theory and practice* (pp. 1-13). Mouton de Gruyter.
- Mills, S. (2003). *Gender and politeness*. Cambridge University Press.
- M Xavier Thayalan. (٢٠١٧). *Impoliteness strategies in the social media comments on the Low Yat plaza incident. [Unpublished master's thesis]*. Universiti Malaya.
- Najla Majeed Hammod & Arwa Abdul-Rassul. (2017). Impoliteness strategies in English and Arabic Facebook comments. *International Journal of Linguistics*, 9(5), 97-112.
- Noratikh Sulaiman. (2020). COVID-19: China kesan 4 kes jangkitan baharu dalam tempoh 24 jam. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2020/05/689092/covid-19-china-kesan-4-kes-jangkitan-baharu-dalam-tempoh-24-jam>.
- Nordiana Ab Jabar & Mohd Faradi Mohamed Ghazali. (2021.) Komunikasi bahasa sindiran dalam seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(1), 364-378.
- Norfatin Nazihah Abdul Rahmani & Hasmidar Hassan. (2019). Analisis pragmatik strategi kesantunan dan ketaksantunan berkaitan isu belanjawan sulung negara tahun 2018 dalam Facebook. In *Linguistik Bahasa dan Pendidikan* (pp. 73-8). Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Pulau Pinang, Malaysia.
- Nor Shahila Mansor, Roslina Mamat, Rozita Che Omar & Akmar Hayati Ahmad Ghazali. (2014). Ketidaksantunan bahasa sebagai strategi pujukan dalam iklan berbahasa Sepanyol. *GEMA Online®Journal of Language Studies*, 14(3), 207-223
- Nurul Akmal A. Abdul Ghani. (2018). Online animosity: Impoliteness strategies and triggers of hostility in a social networking site in Brunei. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 18, 71-84.
- Ratna, Nyoman Kutha. (2009). *Stilistika kajian puitika bahasa, sastra dan budaya*. Pustaka Pelajar.
- Rodríguez, F.C. & Peña, B. E. (2011). Descortesía verbal y televisión: Hacia una nueva superestructura [Ketidaksantunan verbal dan television: Ke arah satu struktur baru]. In S. Alcoba & P. Dolors, (Ed.). *Cortesía y Publicidad [Kesantunan dan Pengiklanan]* (pp. 63-78). Ariel Letras.
- Petronella Apin & Kartini Abd Wahab. (2015). Tabu bahasa dalam masyarakat Dusun di daerah Ranau, Sabah. *Jurnal Melayu*, 14(2), 224-239.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2015). Analisis kesopanan bahasa dalam novel *Melunas Rindu*: Aplikasi maksim Leech dan Grice. *Jurnal Bahasa*, 15 (1), 143-172.
- Sara Beden. (2019). Analisis prosa klasik “Kepimpinan melalui teladan” berdasarkan prinsip kepimpinan. *Jurnal Malay Literature*. 32(1), 37-70.
- Sara Beden. (2020a, Jun). Retorik perintah kawalan pergerakan. *Dewan Bahasa*.
- Sara Beden. (2020b). Kesejajaran kesantunan bahasa dalam perutusan pakej rangsangan ekonomi prihatin dengan prinsip kesopanan Leech (1983). *Jurnal Linguistik*, 24(1), 51-80.
- Shamilah Abd Halim. (٢٠١٥). *Impoliteness strategies used in a politician's Facebook* [Unpublished master's thesis]. Universiti Malaya.
- Siti Norsyahida Mohd A. Rashid, & Nor Azuwan Yaakob. (2017). Jenis bahasa sindiran dalam ujaran Vlog. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 7, 17-29.
- Tarigan, H. G. (1985). *Pengajaran gaya bahasa*. Angkasa.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Fuad Mat Hassan. (2012). Penggunaan strategi ketidaksantunan dalam kalangan remaja di sekolah. *Jurnal Linguistik*, 16, 62-74.